



**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 3 TAHUN 2020**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENGURUSAN PDP
SEMASA COVID-19**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
12 Mei 2020

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

12 Mei 2020

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK **BILANGAN 3 TAHUN 2020**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENGURUSAN PDP SEMASA COVID-19

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-189 Bilangan 4/2020 yang bersidang pada 12 Mei 2020 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan dan Pengurusan PdP Semasa Pandemik COVID-19.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan kepada perkembangan terkini pandemik COVID-19 daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hebahan rasmi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 04 Tahun 2020 semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi peringkat prasiswazah dan pascasiswazah telah ditangguhkan sehingga 2 Jun 2020. Namun begitu, keadaan ini masih tertakluk kepada pengumuman kerajaan.
- 2.2 Garis Panduan Pelaksanaan dan Pengurusan PdP Semasa Pandemik COVID-19 telah diperakukan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perancangan Akademik Kali Ke-20 Bil. 1/2020 bertarikh 27 April 2020 sebelum dibentangkan ke Senat.

3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

Garis Panduan Pelaksanaan dan Pengurusan PdP Semasa Pandemik COVID-19

3.2 Garis Panduan Pelaksanaan dan Pengurusan PdP Semasa Pandemik COVID-19 seperti dalam Lampiran A dibaca bersama;

- i. Lampiran B : Garis Masa Pelaksanaan dan Pengurusan PdP
- ii. Lampiran C : Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Akhir

3.3 Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 12 Mei 2020.

PUAN SUHAILA SIDEK

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik

Tarikh: 12 Mei 2020

Lampiran A

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENGURUSAN PDP SEMASA PANDEMIK COVID-19

1. PENGENALAN

- 1.1 Berdasarkan kepada perkembangan terkini pandemik COVID-19 daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hebahan rasmi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 04 Tahun 2020 semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi peringkat prasiswazah dan pascasiswazah telah ditangguhkan sehingga 2 Jun 2020. Namun begitu, keadaan ini masih tertakluk kepada pengumuman kerajaan.
- 1.2 Bagi memastikan kelangsungan aktiviti PdP berjalan dengan lancar di UPSI, Cadangan Garis Panduan Pelaksanaan PdP ini merangkumi pelaksanaan penyampaian PdP, pentaksiran, rancangan persediaan dan pengurusan PdP dan pentaksiran dalam tempoh pandemik COVID-19.
- 1.3 Pelaksanaan panduan ini harus dilaksanakan secara berhemah dengan mengambilkira situasi pelajar, pensyarah dan juga infrastruktur Universiti dan fakulti. Ia perlu juga dibaca bersama dengan Garis Panduan Pembelajaran Teradun Gantian UPSI, Garis Panduan Pentaksiran Dalam Talian UPSI dan Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Akhir Semasa Semasa Pandemi Bagi Program Pra siswazah dan Pengajian Siswazah serta garis panduan lain yang berkaitan.

2. PELAKSANAAN

Panduan ini disediakan untuk membantu pensyarah, pelajar, pengurusan fakulti dan universiti untuk menjalankan tugas mereka dengan sebaik yang mungkin dalam situasi pandemik ini. Ada tiga (3) komponen pelaksanaan yang digariskan dalam panduan ini yang disediakan untuk menyokong perkara-perkara berikut:

- i. Kaedah penyampaian
- ii. Pentaksiran pembelajaran
- iii. Pengurusan PdP
- iv. Pengurusan Pentaksiran Akhir

2.1 Kaedah Penyampaian Pengajaran

- a. Takrifan kaedah penyampaian bagi program akademik yang sedia ada ditawarkan secara konvensional adalah PdP secara **bersemuka sepenuhnya** dalam bentuk kuliah/ tutorial/ amali yang dikendalikan mengikut tempoh sasaran pengajian; dengan menjalankan **pembelajaran dalam talian**, atau secara **jarak jauh**.
 - i. **Penyampaian bersemuka sepenuhnya** hanya dapat dijalankan

apabila para pelajar hadir ke sesi PdP yang dilaksanakan di kampus; kaedah ini tidak dapat dijalankan buat masa ini sehingga kebenaran diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

- ii. **Pembelajaran dalam talian** melibatkan pembelajaran menggunakan internet. Seringkali pembelajaran dalam talian digabungkan dengan pembelajaran bersemuka yang dipanggil **pembelajaran teradun**.
- iii. **Pembelajaran jarak jauh** adalah pembelajaran tidak bersemuka yang dilaksanakan melalui internet dan teknologi (seperti bahan bercetak, radio, televisyen, mesej pesanan ringkas (SMS) dan *thumb drive*).

b. Pembelajaran Teradun (PT)

Pembelajaran dalam talian melibatkan **pembelajaran teradun sokongan (PTS)** seperti di Lampiran I iaitu pembelajaran dalam talian menyokong pembelajaran secara bersemuka sebanyak 30% dari keseluruhan SLT satu-satu kursus. **Pembelajaran teradun gantian (PTG)** pula adalah pembelajaran dalam talian yang menggantikan pembelajaran bersemuka sebanyak 30%-79% dari keseluruhan SLT satu-satu kursus.

Semasa tempoh pandemik COVID-19, para pelajar tidak berada di kampus dalam tempoh yang panjang. Bagi membolehkan pembelajaran berlaku proses pembelajaran secara bersemuka mesti digantikan dengan penyampaian pembelajaran yang lain. Bagi pelajar yang mempunyai capaian internet, proses **PdP secara PTG** akan berlangsung secara **bebas** dan pelajar boleh berada **di mana-mana lokasi** yang mempunyai akses internet, akses kepada *Learning Management System (LMS)* UPSI, MyGuru atau mana-mana platform untuk menjalankan pembelajaran dalam talian. PTG dapat dilaksanakan melalui:

- i. Pelaksanaan PdP dijalankan pada minggu kuliah bagi sesuatu semester yang telah dirancang dan tertakluk sepenuhnya kepada **rancangan pengajaran** yang telah ditetapkan di dalam **ProForma**. Pensyarah boleh juga memberi fleksibiliti untuk sebarang perubahan kepada kaedah pengajaran dan pentaksiran mengikut kesesuaian.
- ii. PTG boleh dijalankan **secara dalam talian** mengikut **dua** format (Lampiran II):
 - a) **synchronous (segerak)** menyampaikan bahan pengajaran secara langsung dan masa-nyata (*real-time*).
 - b) **asynchronous (tidak segerak)** menyampaikan bahan pengajaran dibangunkan atau direkodkan lebih awal.
- iii. **Pentaksiran** seperti ujian, kuiz dan tugas boleh dijalankan secara

dalam talian dengan menetapkan kriteria seperti tarikh, waktu dan juga bilangan cubaan menyelesaikan soalan seperti di 2.2.b.

- iv. **Rekod kehadiran pelajar** boleh digantikan dengan **rekod penglibatan** dan **pencapaian pelajar** melalui penglibatan aktiviti PdP seperti forum dan pentaksiran secara dalam talian bagi kursus yang berkaitan. Rekod penglibatan dan pencapaian pelajar ini sewajarnya didokumentasikan bagi tujuan audit.
- v. Peratusan pelaksanaan bagi **PTG** bagi setiap kursus adalah di antara **30% - 79% secara dalam talian**, seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (MEIPTA, 2020)

Elemen bagi Pelaksanaan PTG	Penerangan
Bahan PdP (40%)	Bahan PdP yang pelbagai seperti: <ul style="list-style-type: none"> ○ Rakaman video (<i>recorded video</i>) ○ Rakaman audio (<i>podcast, narration</i>) ○ Rakaman skrin (<i>screencast</i>) ○ Persembahan berbentuk penceritaan (<i>narrated presentation</i>) ○ Animasi dan Perisian Web 2.0 seperti <i>Powtoon, Prezi, iSpring</i> ○ Simulasi atau Realiti Maya (<i>Virtual Reality - VR</i>) atau Realiti Tertambah (<i>Augmented Reality - AR</i>) atau Realiti Tergabung (<i>Mixed Reality - MR</i>) ○ Syarahan dalam/luar kelas (<i>classroom lecture</i>) ○ Kandungan interaktif seperti : ThingLink, Perisian Multimedia ○ Video temu bual (<i>interview video</i>) ○ Video praktikal/makmal (<i>practical/laboratory video</i>) ○ Rakaman lawatan industri (<i>industry visit recording</i>)
Aktiviti PdP (40%)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Aktiviti boleh dilaksanakan secara fleksibel pada minggu kuliah yang telah dipilih mengikut rancangan mengajar/Proforma/Skema Kerja. ○ Dicadangkan aktiviti ini dilaksanakan sebelum/selepas bahan pengajaran disampaikan kepada pelajar.
Pentaksiran (20%)	Dijalankan sepenuhnya dalam talian

c. Pembelajaran Jarak Jauh (*Remote Learning*)

Merupakan satu pendekatan pembelajaran selain dari pertemuan bersemuka. Ia juga merangkumi pembelajaran dalam talian. Pensyarah perlu menimbangkan beberapa aspek dalam merancang pelaksanaan pembelajaran jarak jauh seperti di Lampiran III.

2.2 Pentaksiran Pembelajaran

Sebagai langkah bagi memastikan pencapaian hasil pembelajaran kursus (CLO) tidak terjejas dan kualiti pelajar adalah sama seperti sebelum ini, pensyarah perlu memberikan perhatian kepada jenis-jenis pentaksiran, bilangan dan tempoh serta kaedah pelaksanaan pentaksiran sama ada berbentuk Peperiksaan Akhir, Pentaksiran Akhir atau Pentaksiran Berterusan yang dijalankan secara bersemuka, dalam talian atau secara jarak jauh.

a. Peperiksaan Akhir

Peperiksaan akhir boleh dijalankan secara bersemuka atau secara dalam talian. Pelaksanaan peperiksaan akhir dalam talian berupa soalan pilihan jawapan, struktur atau esei, atau dibuat secara *open-book-exam* perlu dijalankan secara segerak (*synchronous*) di mana ada penetapan masa, dipastikan hanya pelajar sahaja yang menjawab peperiksaan tersebut (eg. tele konferens) dan berbentuk sumatif. Cadangan masa pelaksanaan adalah kekal seperti masa yang ditetapkan untuk peperiksaan akhir bersemuka. Bagi *open-book-exam* ditambah satu jam dari masa pelaksanaan secara bersemuka contohnya 2 jam secara bersemuka dan secara dalam talian diberi masa 3 jam. Pensyarah perlu peka kepada perbezaan masa pelajar-pelajar antarabangsa yang telah pulang ke kampung halaman masing-masing dalam merancang masa peperiksaan akhir.

b. Pentaksiran Akhir

Pentaksiran akhir boleh dijalankan secara dalam talian dan secara jarak jauh. **Pentaksiran yang dijalankan secara dalam talian** boleh mengikut format *synchronous* (segerak) menggunakan pentaksiran berbentuk sumatif yang dilaksanakan secara interaktif dan masa-nyata atau *asynchronous* (tidak segerak) di mana bentuk pentaksiran berbentuk sumatif yang dibangunkan lebih awal dan pelajar menjawab dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pensyarah perlu mendokumentasikan semua proses yang telah dibuat sebagai bukti PDT telah berlangsung. Ini bertujuan untuk memastikan semua CLO telah dicapai. Ia juga menjadi bukti sekiranya disemak oleh pihak juruaudit MQA atau MS ISO.

Jadual 2 : Jenis Aktiviti PDT secara segerak dan tidak segerak

Domain Pembelajaran	Jenis Aktiviti Pentaksiran dan Penilaian	
	Secara Segerak (<i>synchronous</i>)	Secara tidak Segerak (<i>asynchronous</i>)
Kognitif C1- C3	<ul style="list-style-type: none"> • Kuiz/ ujian dalam talian • Persembahan(presentation) • Perbincangan secara berkumpulan atau individu 	<ul style="list-style-type: none"> • Tugas • Projek • Poster • Peta minda • Tutorial • Laporan Makmal • Pembentangan tanpa ada sesi soal jawab • Penulisan karangan • Ulasan Artikel • Penulisan Buku Log • Penulisan Tesis
Kognitif (C4-C6)	<ul style="list-style-type: none"> • Viva • Pembentangan Projek Tahun Akhir • Pembentangan(kajian kes, projek dan sebagainya) • Peperiksaan Buku Terbuka 	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian Kes • Analisis Kes • e-Portfolio/Blog • Laporan Projek • <i>Take Home Exam</i> • Penulisan Modul • Penulisan Refleksi • Penulisan Proposal Penyelidikan • Laporan Klinikal • Peperiksaan Buku Terbuka
Afektif (A1-A2)	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan • temu bual 	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Makmal • Laporan Tugas • Laporan kemajuan projek/ penyelidikan
Afektif (A3-A5)	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan secara Live • Debat secara live 	<ul style="list-style-type: none"> • Rakaman Video Pembentangan • Rakaman Video Program • Laporan Analisis Data
Psikomotor (P1-P3)	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan • temu bual 	<ul style="list-style-type: none"> • Tugas Projek (Laporan, Laporan kemajuan dan sebagainya)
Psikomotor (P4 -P7)	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan - fokus kepada kemahiran komunikasi, kemahiran pembentangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengendalikan Program • Grafik • Projek Inovasi

Take-home-Exam atau **Projek Khas** boleh diberikan kepada pelajar melalui dalam talian atau secara pos. Ia berbentuk akhir dan perkara-perkara berikut perlu diambilkira dalam melaksanakan *take-home-exam*/ projek khas.

1. Soalan tidak boleh berada pada tahap fakta dan definisi/ kefahaman seperti C1/C2 sebaliknya di tahap aplikasi dan ke atas (C3 dan seterusnya). Digalakkan merekabentuk soalan yang berbentuk aplikasi, analisis, penilaian dan mencipta seperti membuat hipotesis atau merumuskan supaya pelajar dapat menunjukkan kebolehan membaca, memahami dan mencerna soalan atau bahan yang diberikan. Pelajar seterusnya dapat mengaplikasikan semua ilmu yang telah dipelajari dalam menjawab soalan yang diberi.
2. Elakkan soalan yang berbentuk umum atau *generic* yang mana pelajar boleh mendapat jawapan daripada web atau talian internet. Oleh itu, pembina soalan perlu menyemak atau memeriksa prasa\ soalan melalui *Google search* dan apakah kebarangkalian jawapan yang akandiperolehi.
3. Pelajar diberi autonomi untuk memberi contoh atau analogi mereka sendiri dalam menjelaskan sesuatu perkara atau mengemukakan hujah sendiri dalam menjawab soalan yang diberi.
4. Soalan yang diberi dalam bentuk meminta pelajar untuk mengaplikasikan konsep atau teori daripada kandungan kursus kepada situasi yang lain yang tidak pernah dibincangkan lagi atau bersifat autentik atau dalam situasi sebenar.
5. Soalan dalam bentuk meminta pelajar menerangkan sesuatu perkara berdasarkan kes atau contoh yang diberikan dan contoh tersebut adalah autentik.
6. Soalan berbentuk kajian kes di mana pelajar perlu memilih pernyataan yang sesuai atau cara penyelesaian yang sesuai untuk menyelesaikan kes berkenaan. Setiap langkah yang dinyatakan beserta penerangan, hujah atau justifikasi.
7. Soalan yang berbentuk hubungan, persamaan atau perbandingan antara tajuk-tajuk yang lain.

Kata kerja yang digalakkan dalam membina soalan pentaksiran akhir seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Contoh senarai kata kerja (Reiner, Bothell, Sudweeks & Wood, 2002)

Menganalisis -Analyze	Menerangkan - Explain
Mengaplikasi - Apply	Menilai -Evaluate
Mencirikan -Attribute	Menjana - Generate
Mengklasifikasi -Classify	Mengenalpasti -Identify
Membandingkan Compare	Melakar - Illustrate
Mengubah -Compose	Membuatkesimpulan -Infer

Membanding -Contrast	Menginterpretasi-Interpret
Mencipta -Create	Menjustifikasi - Justify
Mengkritik -Critique	Menyenaraikan -List
Mempertahankan -Defend	Meramal - Predict
Mendefinisi - Define	Mencadangkan - Propose
Menerangkan -Describe	Menyemaksemula - Recognize
Merekabentuk -Design	Mengingatembali -Recall
Membangunkan -Develop	Meringkas -Summarize
Membezakan - Differentiate	Menyurih -Trace

Cadangan masa pelaksanaan bagi *take-home-exam* dicadangkan pelajar diberi 24 jam atau satu hari bagi 2-3 jam masa yang diperuntukkan (SLT) untuk menjawab. Bagi pentaksiran alternatif seperti projek khas ditambah 1 jam secara keseluruhan dan bagi setiap jam ditambah 20 minit. Contohnya Pentaksiran alternatif yang diberi secara bersemuka ialah 3 jam, maka dalam keadaan dalam talian 1 jam ditambah dan 60 minit jumlah yang ditambah bagi 3 jam menjadikan SLT adalah 5 jam.

c. Pentaksiran Berterusan

Pentaksiran berterusan dijalankan secara formatif dan pensyarah mesti memberi bimbingan berterusan bagi membantu pelajar mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Semua bukti bimbingan dan penilaian berterusan perlu disimpan dengan rapi. Sekiranya Penyelaras Kursus hendak menukar Peperiksaan Akhir kepada Pentaksiran Berterusan, prosedur mendapatkan kelulusan perubahan tersebut perlu dilakukan di peringkat Jabatan, Fakulti / Ptj, JKPA dan Senat.

2.3 Pengurusan PdP semasa Pandemik COVID-19


Bagi memastikan urusan PdP berjalan dengan baik semasa pandemik ini, satu garis masa (Lampiran B) dicadangkan bagi semua bidang pengajian yang melibatkan sesi pengkuliahan. Garis masa ini boleh dirujuk oleh pelbagai pihak seperti pensyarah, pelajar, pentadbir dan lain-lain lagi. Pihak bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan juga diberi penekanan dalam pembinaan garis masa ini.

2.4 Pengurusan Pentaksiran Akhir semasa Pandemik COVID-19

Pengurusan Peperiksaan Akhir perlu digantikan dengan Pentaksiran Akhir semasa tempoh ini dan untuk memastikan proses berjalan dengan baik semasa pandemik ini. Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Akhir (Lampiran C) dicadangkan bagi semua peringkat pengajian yang melibatkan sesi pengkuliahan. Garis Panduan ini boleh dirujuk oleh pelbagai pihak seperti pentadbir di peringkat Fakulti, pensyarah, pelajar dan lain-lain lagi.

Lampiran I

Formula Mudah Pembelajaran Teradun dalam MyGURU



Maklumat Kursus (5%)

Silibus bagi setiap kursus.

1

Bahan/Sumber pengajaran (40%)

Bahan Pengajaran seperti slid powerpoint, video pengajaran, modul dan e-buku.

Boleh dicapai berdasarkan kiraan formula 1,7,3,2 bagi kadar Pembelajaran Teradun minimum 30%

Merangkumi maklumat perancangan kursus, bahan dan aktiviti PdP serta pentaksiran

Aktiviti (35%)

Pelaksanakan aktiviti secara dalam talian menggunakan web 2.0 tool dan menggunakan LMS

3

Pentaksiran/ Penilaian (20%)

Pentaksiran secara dalam talian seperti kuiz, tugasan, portfolio, dan refleksi.

KPI UPSI mensasarkan Pembelajaran Teradun pada kadar 75% tahun 2019

Lampiran II




E-Learning

Synchronous / Asynchronous

Synchronous

Teaching & Learning (T&L) should follow current time table and topics should be based on ProForma



01 -Identify learning platform
-Inform the student about e-learning activities

03 -State learning outcome(s) (should based on ProForma).

05 - Assessment
- Assignment, Quiz, etc.*

02 -Alert student about attendance (MyGuru).
-students who login into MyGuru will be considered as attending the class

04 - E-Learning activities should be conducted synchronously (live).
- Discussion*
- Lecture notes *
- Task

06 - Reflection after the class.
- Do include the suggestions for improvement in week 8 monitoring or CLOM report)



Asynchronous

At any time, but all Teaching & Learning (T&L) activities should be planned by weekly basis

All steps in synchronous can be followed but all online activities can be performed at any time. All T&L activities should be planned by weekly basis and the involvement of students should be recorded.

All T&L materials are pre-recorded and shared in MyGuru or other e-learning platforms (Google Classroom etc) for students to access at any time available.

Since most of the video materials are quite large (more than 25mb), lecturers should open an account in Youtube* or Google Drive, etc. to upload their materials and share the links in MyGuru or other e-learning platforms (Google Classroom etc).


Recorded videos for T&L should follow DEPAN (Dasar e-Pembelajaran Negara) guidelines. For example one hour lecture equivalent to 7 minute duration for video material.

*All lecturers are advised to use MyGuru platform as a main e-learning platform. UPSI has provided MyGuru Lecturer User Manual in MyGuru portal.

*Please provide disclaimer to all T&L materials published to public according to the following:

DISCLAIMER: Universiti Pendidikan Sultan Idris is not liable for any claims, losses or damages caused by the usage of any information obtained from this material.

E-Learning Tools



List of Digital Content Development

Screen Recording
(Quicktime, Jing,
Screencast-O-Matic)

Infographic
(Canva, Piktochart,
Pages, Coggle)

Animation (2D)
(Biteable, Powtoon,
Keynote, Video Scribble,
Doodley)

Animation (3D)
(Plotagon, Shapr 3D,
Reality Composer)

Video Recording
(Filmora, iMovie,
Clips Google)

Audio Recording
(Podcasts, Voice Memos,
Audacity)

Music Composing
(Garageband, Audacity)

Slide
(Powerpoint, Prezi,
Flipbook)

List of e-Learning Platform/ Classroom

MyGuru

MS365

MSTeams

Google Classroom
(Students log in using
siswa email)

Social Media
(Whatsapp, Telegram,
Facebook, Instagram)



List of Online Quiz

MyGuru
Kahoot
Quizlet
Socrative

Mentimeter
Classmaker
Edpuzzle

List of Forum / Bulletin Board

MyGuru
Padlet
PhPBB
MyBB

Blendspace
Discourse
FlexBB

Synchronous

- | | |
|--------------------------------|----------------|
| 1. Google Hangouts Meet | 5. Zoom |
| 2. BigBlueButton | 6. Insta Story |
| 3. Youtube Live | 7. Teamviewer |
| 4. FB Live | 8. Webex |
| | 9. Skype |

Asynchronous**

- | | |
|--------------------------|-----------------|
| 1. Screen-O-Matic | 5. Youtube |
| 2. Filmora | 6. Vimeo |
| 3. iMovie | 7. Flickr |
| 4. Clips | 8. Google Drive |

Note:






*Bold text = highly recommended






**Duration: 1 hour lecture = 7 min video lecture

Lampiran III

REMOTE TEACHING & LEARNING (T&L) STRATEGIES BASED ON 5-SCENARIO ANALYSIS


Note: All lecturers need to conduct a quick survey to gather information from their respective students, which scenarios best represent each of the students.
This is to allow the lecturer to prepare T&L strategies for different scenarios.

Scenario/ T&L strategies	REMOTE T&L				
	OFFLINE		ONLINE		
	1	2	3	4	5
					
	Without device	With Device (laptop/computer, mobile phone, etc.)	Low-bandwidth (0-5 Mbps)	Moderate (5-40 Mbps)	Hi-Speed Wifi (40-500 Mbps)
Learning Materials	Printed (Post/etc.)	Softcopy (Pendrive, CD, etc. + post)	WhatsApp, Telegram	MyGuru, Padlet, Google classroom, Google drive	Live Video Conference* (Hangout Meet, MS Teams, YouTube Live)
		SMS/MMS	Stream music & Audio (Spotify, Pandora, Podcast, etc.)	Video Streaming (Skype, Facetime)	Upload/Download large file (HD Video, 4K Video, etc.)
			E-mail	Short Video (YouTube)	Multiple device
				Blog, Website, etc	
Delivery	Printed Teks book, module	e-Books, e-module, e-instructions, Infographics	WhatsApp, Telegram (text, attach files, voice note)	MyGuru (forum, announcement, private message.), Padlet, Google classroom, etc.	Live Video Conference* (Hangout Meet, MS Teams, Webex, Zoom, YouTube Live)
	Manual instructions	SMS/MMS	E-mail	Video Streaming* (Skype, Facetime, Facebook live)	Live HD YouTube
	Infographics	Direct call & Voicemail	Podcast	Short Video link (YouTube)	Hi-Res Video & Animation streaming
			e-Books, e-module, e-instructions, Infographics	Blog, Website, etc.	
Assessment	Printed test/exam (Post)	Softcopy test/exam (Post)	WhatsApp, Telegram (text, attach files, voice note)	MyGuru (Assignment, Forum, Online assessment)	YouTubeChannel
	Portfolio (Post)	Softcopy Portfolio (Post)	Stream music & Audio (Spotify, Pandora, Podcast, etc.)	Online assessment tools (Kahoot, Mentimeter, Socrative, Edpuzzle, etc.)	Live Online Assessment* (Hangout Meet, MS Teams, Webex, Zoom, YouTube Live)
	Summative assessment	SMS/MMS	E-mail	Google form, Survey Monkey, etc.	
	Open book test/exam	Direct call & Voicemail	Open book test/exam	e-Portfolio (Flickr, Pinterest, Devianart, GitHub, etc)	
		Open book test/exam		Website (Wix), Blog (Blogspot)	

Scenario/ T&L strategies	TASK & TIMELINE FOR REMOTE T&L				
	OFFLINE		ONLINE		
	1	2	3	4	5
					
	Without device	With Device (laptop/computer, mobile phone, etc.)	Low-bandwidth (0-5 Mbps)	Moderate (5-40 Mbps)	Hi-Speed Wifi (40-500 Mbps)
Learning Materials	1. All materials need to be printed and ready to be posted.	1. All materials need to be saved in pendrive/CD and ready to be posted.	1. Convert all learning materials into low-res format (pdf).	1. Ensure all learning materials available in MyGuru. Please provide a link in MyGuru if you use other platform.	1. Create your own YouTube channel.
	2. Get student's personal info (postal address).	2. Get student's personal info (postal address).	2. Provide additional info using voice notes.	2. Upload all learning materials in google drive and share links to MyGuru.	2. Share your video link to all T&L platforms.
	3. Allow 2-3 weeks for the student to receive the materials.	3. Allow 2-3 weeks for the student to receive the materials.	3. Use attachment tool to send additional file.	3. Make use of any tools available to create interesting & engaging learning materials.	3. Make use of VR and AR technologies.
			4. Use additional tools available in email, Whatsapp, Telegram, etc.	4. Avoid long duration video. .	
				5. Make use of open education resources (OER) including slide, video, music, etc.	
Delivery	1. Use simple and clear instruction.	1. Use simple and clear instruction.	1. Use simple and clear instruction.	1. Use simple and clear instructions.	1. Use simple and clear instructions.
	2. If possible include visuals such as illustration, table, diagram, etc.	2. If possible include visuals such as illustration, table, diagram, etc.	2. Allow ample time for lecturer/student to give responses. Encourage student to communicate.	2. For video not more than 7 minutes per session.	2. Multiple platform & devices.
	3. Self-explanatory.	3. Allow the students to communicate via phone (voice or SMS) with the lecturer.	3. Focus on task-driven and peer-learning.	3. Make use tools available from MyGuru (forum, announcement, private message.), Padlet, Google classroom, etc.	3. Synchronous online class.
	4. Independent & Self-learning.	4. Independent & Self-learning.	4. Minimize synchronous online meeting.	4. Encourage feedback from student.	
				5. Always monitor student participation.	
Assessment	1. Summative assessment.	1. Summative assessment.	1. Formative & Summative assessment.	1. Give priority to authentic assessment.	1. Give priority to authentic assessment.
	2. Open book test/exam.	2. Open book test/exam.	2. Open book test/exam	2. Formative & Summative assessment.	2. Formative & Summative assessment.
	3. Provide empty envelope with stamp and postal address to the lecturer.	3. Provide empty envelope with stamp and postal address to the lecturer.	3. Oral assessment via voice note/podcast.	3. Use websites, blog, e-portfolio, YouTube, Padlet, etc. to showcase evidence of learning achievement.	3. Video-driven tutorial assessment (synchronous).
		4. Conduct assessment via phone (voice or SMS).	4. Can be performed as synchronous and asynchronous.	4. Can be performed as synchronous and asynchronous.	4. Synchronous assessment.
			5. Test answer can be send via e-mail/ WhatsApp/Telegram using attachment.		5. Synchronous group presentation.

Lampiran B

TIMELINE PDP SEPANJANG PKP



RUJUKAN

- Melibatkan 2 atau lebih PTJ/Personel
- Penyelaras/Pensyarah/Pemeriksa
- KJ
- Fakulti
- BHEA

27 14/9/2020
PENYELARAS KURSUS/ PENSYARAH
 Mengisi maklum balas indeks CLOM di MySIS selepas JKPU
KJ
